

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 29 OGOS 2017

Francesca Chia; dan Ketua Komunikasi Korporat Standard Chartered, Mastura Adnan.

100 25

Usahawan wanita ke peringkat global

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI
airunnisa.alau @utusan.com.my

BAGI mengikiraf serta menggalakkan sumbangan usahawan-usahawan wanita dalam pembangunan ekonomi negara, Hari Wanita Kebangsaan 2017 yang bakal diraikan pada 4 September depan mengangkat tema *Wanita: Pengembang Ekonomi Global* selaras dengan harapan kerajaan untuk meningkatkan jumlah usahawan wanita ke peringkat global.

Menurut rekod SME Corporation Malaysia (SME Corp), sebanyak 20.6 peratus wanita di negara ini terlibat dalam bidang keusahawanan dan dijangkakan meningkat sehingga 23 peratus menjelang tahun 2020.

Justeru itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berada pada lansasan yang tepat apabila menyasarkan peningkatan sehingga 10 peratus jumlah usahawan wanita dalam keusahawanan kecil dan sederhana ke peringkat global menjelang tahun 2020.

Bertepatan ke arah merealisasikan tema itu, sempena sambutan Hari

Wanita Kebangsaan yang bakal diadakan di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, negara bakal menjadi tuan rumah pengajuran Sidang Kemuncak Perdagangan Wanita Global dan Dialog TNSO Wanita yang dijadual dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Seri Rohani Abdul Karim**, pengajuran sidang kemuncak perdagangan wanita bakal dihadiri lebih 1,500 peserta dari seluruh negara termasuk ahli Persekutuan Perdagangan dan Industri Wanita Antarabangsa (IWFCI).

Perubahan itu melibatkan beberapa negara luar antaranya Rusia, Vietnam, Korea, Mongolia, Australia, Singapura, Indonesia, India dan Filipina.

Tambah bellau,



PELBAGAI bentuk bantuan dan inisiatif kerajaan diperkenal bagi membantu usahawan wanita melangkah ke peringkat global. GAMBAR HIASAN

pengajuran berkenaan juga memberi ruang kepada jolong daripada usahawan bawah SME Corp yang menyertai pameran pada pengajuran persidangan ini dapat menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu Rohani memberitahu, kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif, serta latihan keusahawanan seperti program Pembangunan Inisiatif Keusahawanan Wanita (Dewi), sebagai langkah pemerkasaan ekonomi wanita.

"Kesemua bidang fokus yang melibatkan kesejahteraan wanita ini berada dalam perhatian kementerian termasuk juga isu-isu bukan berkaitan ekonomi. "Oleh itu, kementerian berusaha untuk menyediakan segala keperluan golongan ini dan sudah pastinya sempena sambutan ini, Perdana Menteri pasti ada sesuatu yang manis untuk dihabarkan," katanya.

"Melalui sambutan ini kita memberi ruang dan platform yang tepat buat wanita mengembangkan pencapaian mereka pada peringkat global, terutama dalam bidang perniagaan yang diceburi selepas pelbagai bentuk insentif diberikan kerajaan.

"Kementerian juga berharap

sekurang-kurangnya satu peratus

dari pada usahawan bawah SME

Corp yang menyertai pameran

pada pengajuran persidangan

ini dapat menembusi pasaran

antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu Rohani memberitahu, kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk

bantuan dan inisiatif, serta latihan keusahawanan seperti

program Pembangunan Inisiatif

Keusahawanan Wanita (Dewi), sebagai langkah pemerkasaan

ekonomi wanita.

"Kesemua bidang fokus yang

melibatkan kesejahteraan wanita

ini berada dalam perhatian

kementerian termasuk juga isu-

isu bukan berkaitan ekonomi.

"Oleh itu, kementerian

berusaha untuk menyediakan

segala keperluan golongan ini

dan sudah pastinya sempena

sambutan ini, Perdana Menteri

pasti ada sesuatu yang manis

untuk dihabarkan," katanya.

"Kementerian juga berharap

sekurang-kurangnya satu peratus

dari pada usahawan bawah SME

Corp yang menyertai pameran

pada pengajuran persidangan

ini dapat menembusi pasaran

antarabangsa," katanya.

PENGISIAN SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN

Pertandingan Winnovation

Pertandingan berkonsepkan inovasi ini diperkenalkan sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac hingga 30 Jun lalu bertujuan menggalakkan wanita menyumbang idea dan inovasi. Penyertaan terbuka kepada semua wanita berumur 21 tahun.

Kaunter Lataun Khas untuk Wanita

Menyediakan kaunter lataun khas buat golongan wanita berumur 25 Ogos hingga 8 September ini, iaitu selama dua minggu sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan.

Khutbah Jumat - 1 September 2017

Jabatan Kemajuan Agama Islam bersetuju membaca teks khutbah Jumat berdasarkan tema Hari Wanita Kebangsaan, *Wanita: Pengembang Ekonomi Global*.

Sidang Kemuncak Perdagangan Wanita Global

PLATIFORM bagi menggalakkan wanita melangkah ke peringkat global. Bakal menyaksikan pembentangan oleh individu-individu berjaya. Antaranya, Presiden Persatuan Rangkaian Usahawan Wanita (WENA), Nadira Yusof, Pengasas Goget,

Francesca Chia; dan Ketua Komunikasi Korporat Standard Chartered, Mastura Adnan.

Dialog TNSO Wanita

Mencungkil aspirasi wanita melalui platform TNSO sebagai satu usaha mendapatkan pandangan daripada kaum Hawa bagaimana untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2050.

Rawatan spa percuma

Kerjasama dengan dua spa terkenal di sekitar Lembah Klang, iaitu Yoyoy Kampung Spa dan D'Aura Spa untuk menawarkan perkhidmatan spa kesihatan sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan pada tahun ini. Mereka berminat boleh layar laman Facebook Jabatan Pembangunan Wanita untuk mendapatkan kata kunci dan maklumat terkini.

Gerai dan pameran

Terdapat 32 gerai disediakan termasuk gerai usahawan luar negara sempena pengajuran Hari Wanita Kebangsaan dan sempena pengajuran Sidang Kemuncak Perdagangan Wanita Global. Dijangkakan 12 negara akan terlibat antara Rusia, Vietnam, Singapura, Indonesia, India dan Filipina. Penyertaan untuk slot pameran dan gerai masih dibuka.



USAHAWAN wanita dialu-alukan menyerta pameran sempena Hari Wanita Kebangsaan pada 4 September ini. GAMBAR HIASAN

Gambar MOHD NAJIB MOHD NOR